

TI FILEM DIPATANKAN—DR M

Shaw, Cathay digesa main peranan

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa dua gergasi pawagam di negara ini, Perubuhan Shaw dan Cathay, meningkatkan usaha membantu pengeluar-pengeluar filem tempatan.

Perdana Menteri gembira kedua gergasi tersebut memberi kerjasama kepada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) dan pengeluar-pengeluar filem tempatan dalam memenuhi keperluan mereka.

"Bagaimanapun, saya percaya kedua-dua pertubuhan itu dapat meningkatkan lagi usaha membantu pengeluar-pengeluar filem tempatan mencapai cita-cita mereka," ujarnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika berucap di majlis penyampaian hadiah dan penutupan rasmi Pesta Filem Asia ke-7 di Angkasanuri di sini, malam ini.

Beliau juga menyeru pengeluar-pengeluar filem tempatan meningkatkan mutu filem-filem mereka lagi mendapat pasaran di luar negeri dan menjamin keuntungan.

Dalam hubungannya, Perdana Menteri berharap FINAS akan dapat memberi kerjasama dan bantuan kepakaran yang ada bagi memperbaiki mutu filem-filem tempatan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, FINAS telah memulakan langkah memasarkan filem-filem tempatan ke Indonesia di bawah rancangan pertukaran per-

cuma yang dirasmikan baru-baru ini.

Beliau yakin dengan meningkatnya teknologi dan kepakaran yang sedia ada, FINAS mungkin akan dapat memperlengkap kemudahan-kemudahan penayangan di luar negeri bagi filem-filem tempatan.

Persafahaman

Perdana Menteri berkata, pembuat-pembuat filem, sama ada mereka pengeluar, pengarah, penulis skrip, seniman dan seniwati, dikurangkan dengan kebolehan-kebolehan khas yang boleh disumbangkan untuk kebajikan para penonton.

Di samping itu, beliau menagakan, mereka juga dapat membantu di dalam proses memercak pendapat orang ramai dan mencapai persafahaman yang lebih baik.

Beliau juga menafikan peranan yang dapat dimainkan oleh pembuat-pembuat filem sebagai jentera media yang paling berkesan untuk disampaikan kepada masyarakat.

"Mereka boleh membuat para penonton gembira atau menagis. Mereka boleh memberi pengetahuan atau mem-

bingungkan para penonton," ujarnya.

Tetapi, lebih penting dari itu, tegasnya, mereka boleh menanam nilai-nilai positif yang perlu dalam proses membangun dan memajukan negara.

Dalam konteks memajukan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, mereka mempunyai potensi luas untuk meyakinkan rakyat tentang matlamat-matlamat strategi negara, mengekalkan pertumbuhan negara yang bahagian dan cergas seperti dikehendaki di dalam Dasar Ekonomi Baru.

Beliau juga berharap simposium "Ke Arah Pasaran Filem Bersama" yang diadakan sempena pesta filem tersebut akan dapat mengartikan lagi kerjasama bukan sahaja di antara pengusaha industri perfileman tetapi juga di kalangan negara-negara rantau Asia Pasifik.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Oleh AHMAD PUADONAH

No. Siri 0971

No. Penerimaan 716/88